

## **Penganalisis kekal pertumbuhan KDNK 2022 8.5 - 9.0 peratus walaupun IPI sederhana**

**Astro Awani**

**08 Februari 2023**

**Bernamea**

KUALA LUMPUR: Firma penyelidikan mengekalkan anggaran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) 2022 pada 8.5 hingga 9.0 peratus walaupun Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) adalah sederhana.

Ambank Research dalam nota hari ini berkata output perindustrian secara umumnya teguh pada 2022, namun mereka meramalkan momentum pada masa akan datang akan diterjejas disebabkan kelembapan aktiviti ekonomi global pada 2023 berikutan impak kumulatif susulan langkah mengetatkan dasar monetari dalam kalangan bank pusat utama yang mula menunjukkan kesan.

"Selain itu, kita melihat bahawa pembukaan semula China merupakan isyarat positif untuk mengurangkan kesan kelembapan ekonomi global yang akan berlaku," kata firma penyelidikan itu.

Di dalam negara, Ambank Research berkata paras kadar faedah kekal akomodatif walaupun ia terus menyaksikan sokongan daripada penggunaan swasta.

"Anggaran awal kami menunjukkan KDNK pada suku keempat 2022 akan berada dalam jajaran 6.5 hingga 7.0 peratus iaitu lebih rendah berbanding 14.2 peratus pada suku terdahulu," katanya.

Mengenai KDNK Malaysia, Kenanga Investment Bank meramalkan penyusutan mendadak pertumbuhan pada suku keempat 2022 yang akan menjadikan pertumbuhan 2022 seperti ramalannya iaitu 8.6 peratus (2021:3.1 peratus).

Sementara itu, pertumbuhan indeks pembuatan 2023 dijangka sederhana kepada 6.6 peratus tahun ke tahun (2022:8.2 peratus; 2021:9.5 peratus) dengan pertumbuhan

pembuatan dijangka dipengaruhi oleh permintaan luaran yang lemah berikutan ekonomi global bersedia mengalami kelembapan dan kemerosotan permintaan domestik.

"Ini dibuktikan oleh Indeks Pengurus Pembelian Pembuatan Malaysia yang susut untuk bulan kelima berturut-turut pada Januari (46.5; November: 47.8) dan kekal pada paras kemerosotan," katanya.

-- BERNAMA

**© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/penganalisis-kekal-pertumbuhan-kdnk-2022-85-90-peratus-walaupun-ipi-sederhana-405572>